

**SOALAN NO: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI**  
**MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 2**

**YB Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyakit-penyakit Non-Communicable Disease (NCD) yang terdapat di negara ini dan apakah langkah Kerajaan bagi mengawal peningkatan kes Non-Communicable Disease (NCD) di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang terkini pada tahun 2015 menunjukkan keputusan yang membimbangkan, dianggarkan 17.5% (3.3 juta) penduduk Malaysia dewasa menghidapi diabetes, 30.3% (6.1 juta) penduduk menghidap penyakit hipertensi, dan 47.7% (9.6 juta) menghidap hiperkolesterolemia. Penyakit NCD merupakan penyakit yang disebabkan oleh amalan gaya hidup yang tidak sihat. Peningkatan beban penyakit NCD ini dengan mudah dapat dielakkan jika setiap individu dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat

serta mengubah sikap mereka secara positif ke arah penjagaan kesihatan yang lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan memandang serius tentang pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit (NCD). Pelbagai langkah pencegahan yang berkesan dan berimpak tinggi telah digariskan. Kementerian Kesihatan telah merangka Pelan Strategik Kebangsaan bagi Penyakit Tidak Berjangkit (NSP-NCD) 2016-2025 iaitu rangkakerja untuk mengukuhkan program Pencegahan dan Pengawalan penyakit NCD di Malaysia. Pelan Strategik ini menjelaskan keperluan untuk menangani faktor-faktor risiko penyakit NCD iaitu merokok, amalan pemakanan yang tidak sihat, kurang aktiviti fizikal dan penggunaan alkohol yang berlebihan.

Berdasarkan situasi penyakit NCD semasa, Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit NCD memfokuskan tiga skop utama, iaitu menggalakkan kehidupan yang lebih sihat dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mengurangkan faktor risiko NCD, termasuk diabetes, meningkatkan aktiviti saringan untuk mengesan kes-kes penyakit NCD yang belum dikesan, dan mengukuhkan kualiti pengurusan pesakit NCD di fasiliti kesihatan ke arah penjagaan secara individu (*personalized care*).

**Tuan Yang Dipertua,**

Pencegahan penyakit NCD memerlukan pendekatan 'whole of government' dan multi-sektoral bagi memastikan pencegahan penyakit

NCD dapat dilaksanakan dengan optima. Sehingga kini, Jawatankuasa Kabinet bagi Persekitaran yang Sihat (JKPHS) telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan 11 Kementerian menganggotai jawatankuasa ini. Ia juga membuktikan komitmen kerajaan yang memandang serius terhadap masalah penyakit NCD. Baru-baru ini, memorandum Polisi-polisi Ke Arah Persekitaran Hidup Yang Sihat telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri. bagi melaksanakan dasar bagi mencegah dan mengawal penyakit NCD.

Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan program 'Komuniti Sihat Perkasa Negara' atau (KOSPEN) sejak tiga tahun yang lalu yang mensasarkan komuniti ke arah perubahan tingkah laku dan amalan gaya hidup yang sihat. KOSPEN merupakan satu inisiatif bagi menangani penyakit NCD seperti tekanan darah tinggi dan kencing manis serta faktor-faktor risiko penyakit NCD seperti obesiti, pemakanan yang tidak sihat, merokok dan cara hidup yang tidak aktif. Skop utama program ini adalah amalan diet yang sihat, gaya hidup yang aktif, bebas daripada rokok, pengurusan berat badan, dan saringan kesihatan bagi faktor risiko NCD. Diharapkan melalui pendekatan ini akan meningkatkan rasa tanggungjawab rakyat untuk menjaga dan menghargai kesihatan diri mereka sendiri.